



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/2018
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**PENGEMASKINIAN KEAHLIAN JAWATANKUASA MEMPERTIMBANGKAN SURCAJ
DAN JAWATANKUASA MEMPERTIMBANGKAN RAYUAN**

Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperkenankan bagi keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj dan Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan sebagaimana yang terkandung di perenggan 3.1.5 dan 3.3.3 di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 9/2017 bertarikh 15 Zulhijjah 1438 bersamaan dengan 6 September 2017 untuk dikemaskini seperti berikut:

1.1 Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj:

- Pengerusi : YM Setiausaha Tetap (Prestasi), Kementerian Kewangan
- Ahli-ahli : i. YM Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
- ii. YM Timbalan Setiausaha Tetap (Prestasi dan Compliance), Kementerian Kewangan;
- iii. YM Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- iv. YM Penolong Peguamcara Negara, Jabatan Peguam Negara.
- Setiausaha : YM Jurukira Agung, Jabatan Perbendaharaan
- Urusetia : Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan



- 2 -

1.2 **Keahlian Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan:**

- Pengerusi : YM Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri
- Ahli-ahli : i. YM Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
ii. YM Timbalan Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), Jabatan Perdana Menteri; dan
iii. YM Peguamcara Negara, Jabatan Peguam Negara.
- Setiausaha : YM Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam

2. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai 12 Jun 2018.

3. Lantikan di peranggan 3.1.5 dan 3.3.3 di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 9/2017 bertarikh 15 Zulhijjah 1438 bersamaan dengan 6 September 2017 adalah dengan ini dimansuhkan.

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

“Kesederhanaan Membawa Berkat”


(MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj: (8) JPM/SK/2018
14 Syawal 1439
28 Jun 2018